

Pas tidak upaya gugat keyakinan rakyat – Najib

Oleh AIZAWATI AHMAD

PEKAN 3 Jun – Perjuangan UMNO mempertahankan kesucian agama serta akidah Islam sudah terbukti di kalangan rakyat negara ini dan parti pembangkang, Pas sama sekali tidak berupaya untuk menggugat keyakinan tersebut.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, sebagai sebuah parti, UMNO sentiasa berjuang untuk meninggikan lagi syiar Islam dengan memperkenalkan konsep Islam Hadhari.

“Kita tidak hanya melihat Islam itu sebagai satu agama yang menumpu kepada ibadat sahaja tetapi kita melihat dalam ruang lingkup yang lebih luas iaitu Islam sebagai satu agama yang menyumbang kepada peradaban manusia dan sejagat.

“Jadi, sebab itulah semakin hari, semakin ramai yang tertarik kepada perjuangan dan dasar yang dibawa oleh UMNO serta kerajaan kerana kita juga mempertahankan soal kesucian agama Islam dan akidah Islam,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Penyampaian Hadiah Kejohanan Golf Piala Datuk Seri Najib di Pantai Lagenda Golf & Country Club, di sini hari ini.

Turut hadir, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaludin Jarjis.

Najib diminta mengulas kenyataan perwakilan pada Mukhtar Tahunan Pas yang ternyata kecewa dengan Dewan Ulama parti itu yang kewujudannya diibaratkan seperti tin kosong.

Wakil Perak, Misbahul Munir Masduki berkata, Dewan Ulama parti itu hanya hidup dalam kepompong mereka sendiri dan tidak berperanan dalam usaha mencelikkan rakyat terutama ketika berdepan dengan pelbagai isu yang melibatkan kepentingan umat Islam.

Menurut Najib, UMNO memiliki platform dan imej sendiri bagi meraih sokongan rakyat khususnya dalam soal perjuangan parti bagi memenuhi tuntutan orang Islam dan masyarakat Melayu.

“Apa-apa sahaja yang Pas buat, tidak ada kaitan dengan sokongan rakyat. Kalau kita tidak ada sesuatu imej dan platform yang memperjuangkan tuntutan orang Islam dan orang Melayu pada keseluruhannya jadi mungkin ada impak juga.

“Tetapi sebaliknya hari ini kita melihat apa juga yang rakyat kehendaki, UMNO boleh bagi harapan dan aspirasi mereka,” ujarnya.

Sementara itu, ketika ditanya kenyataan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berhubung masyarakat Melayu yang mengundi parti bukan Islam disifatkan sebagai sesat, katanya, isu tersebut merupakan cerita lama dan setiap kali pilihan raya, Pas pasti akan membangkitkan perkara yang sama.

Tegas beliau, UMNO telah berulang kali menyatakan perjuangan parti sememangnya selaras dengan tuntutan Islam di mana Islam sebagai satu agama yang merangkumi kepentingan umatnya dan juga masyarakat bukan Islam.

“Dalam Islam kita mesti timbang secara adil dan saksama, adil kepada orang Islam, adil kepada orang bukan Islam dan asalkan orang bukan Islam tidak memusuhi kita,” jelasnya.

UM - 4/6/2007.



NAJIB Tun Razak menyerahkan piala Kejohanan Golf Piala Datuk Seri Najib kepada Adnan Yaakob (kanan) di Pantai Lagenda Golf & Country Club, Pekan, Pahang, semalam.